

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Jabatan Pendaftar
Sent: 01 Ogos 2021 15:41
To: UUM - All Staff
Subject: PENGGUNAAN FRASA "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT KERAJAAN
Attachments: Surat Edaran Penggunaan Frasa Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.pdf
Contacts: Jabatan Pendaftar



JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

01 OGOS 2021
22 ZULHIJAH 1442H

Semua Staf
Universiti Utara Malaysia

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan

PENGGUNAAN FRASA "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan sedia maklum, YAB Perdana Menteri melalui Perutusan Pengerusi semasa Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 24 Mac 2021 telah menyarankan penggunaan slogan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dalam urusan rasmi Kerajaan termasuk dalam *letterhead* Kementerian dan agensi sebagai salah satu pendekatan yang boleh digunakan dalam mempromosikan WKB 2030. Cadangan ini turut dipersetujui dalam Mesyuarat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Perkhidmatan (KSUKP) Bilangan 1 Tahun 2021 bertarikh 10 Mei 2021.

3. Selaras dengan itu, Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU), Jabatan Perdana Menteri telah menyediakan cadangan slogan "**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**" untuk diguna pakai dalam urusan rasmi Kerajaan iaitu sebagai frasa slogan dalam surat-surat rasmi Kerajaan.

4. Sehubungan itu, sukacita bersama-sama ini dikemukakan salinan surat edaran **Penggunaan Frasa “Wawasan Kemakmuran Bersama 2030” Dalam Urusan Penyediaan Surat Kerajaan** bertarikh 27 Julai 2021 seperti di Lampiran untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan selanjutnya.

5. Segala perhatian dan kerjasama Y. Bhg. Dato'/Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA"

"ILMU BUDI BAKTI"

Pendaftar

Universiti Utara Malaysia



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.